

**Tindakan dedah surat Dr. M beri tamparan hebat buat Anwar  
Utusan Online  
02 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 1 Mac - Datuk Seri Anwar Ibrahim dikatakan menerima tamparan hebat ekoran tindakan kerajaan mendedahkan surat yang ditulis bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada tiga Perdana Menteri Israel iaitu Yitzhak Rabin, Benyamin Netanyahu dan Ehud Barak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, Ketua Pembangkang itu kini dalam ketakutan sebab jelas terbukti hanya beliau sahaja yang menyokong usaha menjaga keselamatan Israel.

"Daripada dulu lagi kita tahu tiga surat tersebut tidak menyatakan sokongan terhadap Israel. Saya tidak tahu mengapa ia dijadikan isu.

"Dia dah kena teruk. Bila dia dah jatuh dia nak tarik semua orang. Sebab itu dia tuduh Dr. Mahathir turut menyokong Israel," katanya ketika diminta mengulas tentang kesan tiga surat berkenaan terhadap Anwar.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Debat Penuntut-Penuntut Universiti bertajuk 'Wajarkah hukuman mati dimansuhkan di Malaysia?' di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut Duta dan Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia, Vincent Piket dan Presiden Majlis Peguam, Lim Chee Wee.

Dalam perkembangan sama, jelas Mohamed Nazri, kerajaan sentiasa memberi keutamaan terhadap nasib rakyat Palestin dan isu berkaitan keselamatan Israel dianggap tidak penting.

"Saya pernah berkhidmat dalam Kabinet Dr. Mahathir dan setahu saya, beliau tidak pernah pro Israel. Beliau sentiasa konsisten," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0302&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0302&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)